

01 NOV 2003

Jelajah-Sambung (Bergambar)

JALUR GEMILANG II KEMBALI SEMULA KE JALAN RAYA

JOHOR BAHRU, 1 Nov (Bernama) -- Pengembara solo Shamsurrijal Abdul Jamil kelmarin meneruskan penjelajahan Jalur Gemilang II (JGII) selepas tergendala akibat kemalangan di Donji Vakuf, Bosnia Herzegovina pada 2 September lepas.

Kereta JGII kini dalam perjalanan ke Belgrade, Serbia, destinasi yang ke-35 daripada 118 buah negara yang hendak dijelajahi dalam usaha mencipta rekod dunia.

JGII, yang merupakan kereta nasional Proton Satria GTi, yang dibaikpulih di Ljubljana, Slovenia dibawa ke Zagreb, Croatia pada 27 Oktober dan pada 29 Oktober lalu ia meninggalkan Zagreb menuju ke destinasi ke 35 itu.

"Satu acara ringkas pelepasan JGII diadakan di Kedutaan Malaysia, Zagreb yang dihadiri oleh kakitangan dan keluarga kedutaan. Semalam JGII selamat tiba di Pristina, Kosovo sebagai destinasi ke 35 sebelum meneruskan perjalanan seterusnya esok ke Skopje, Macedonia," kata Shamsurrijal dalam e-mel kepada Bernama di sini hari ini.

Shamsurrijal berkata beliau disambut dan diraikan dengan jamuan berbuka puasa oleh kakitangan Pejabat Perhubungan Malaysia (PPM) Pristina dan 27 anggota polis Malaysia yang menyertai misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Kosovo.

"Tidak banyak kesulitan yang dihadapi di sempadan masuk Serbia dari Croatia begitu juga dengan Kosovo dari Serbia. Ini kerana green card yang dibeli di Paris memudahkan perjalanan JGII di hampir kesemua negara Eropah," katanya.

Beliau berkata perjalanan JGII ke Belgrade akan meliputi lawatan ke sebuah masjid di Mitrovica yang pembinaannya dibiayai oleh kerajaan Malaysia serta melalui wilayah Zveqan, sebuah kawasan penduduk Islam Albania.

Meskipun cuaca kini beransur sejuk dan sebahagian benua Eropah telah diliputi salji namun ia tidak mematahkan semangat JGII untuk terus mara, kata Shamsurrijal.

Shamsurrijal sementara itu mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara (semalam) atas segala usaha gigih beliau membangun dan membawa Malaysia ke mata dunia.

Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

MNY MOZ